

IQRA'

Bil. 9/2022
SEPTEMBER



**Kursus Digital Dalam Urusan Pejabat
(Microsoft Teams)**
PTAR Shah Alam - muka 10



**Webinar Understanding Dark Data :
How Data Steward Should Leverage Them?**
PTAR Rembau - muka 13



Program Khidmat Masyarakat 3.0 UiTM
Kampus Bandaraya Melaka
PTAR Kampus Bandaraya - muka 24




**Skill-Up The Languages :
Read2ReadLead**
PTAR Machang - muka 27



**Live@PTAR Siri 3 :
Hijrah Memimpin Perubahan**
PTAR Samarahan- muka 35

PROMOSI@PTAR





Pemeriksaan teknologi dan aplikasi dalam urusan pejabat perlu disebarluaskan dan diaplikasikan di semua peringkat samada di peringkat operasi mahupun pengurusan. Perubahan teknologi dan aplikasi yang amat pantas telah mendorong penganjuran kursus Digital dalam Urusan Pejabat oleh Unit Pembangunan Bakat, PTAR Shah Alam, bertarikh 22 September 2022. Kursus sehari ini telah dikendalikan oleh Pensyarah Kanan UiTM Cawangan Pulau Pinang iaitu Ts. Dr. Suhailah Mohamed Noor. Beliau berpengalaman menggunakan aplikasi Microsoft bagi kegunaan pengajaran beliau di Kolej Pengajian Kejuruteraan sejak tahun 2017.

Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pustakawan Kanan PTAR telah bertindak sebagai pembimbing yang baik, terutama di kalangan peserta kursus yang baharu menggunakan aplikasi Microsoft. Sumbangan Ts. Dr. Suhailah yang berkongsi kemahiran dan pengetahuan aplikasi Microsoft di kalangan pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020, telah melayakkan beliau menerima pengiktirafan di peringkat universiti. Seramai 23 orang staf sokongan dan profesional PTAR Shah Alam telah menghadiri kursus yang diadakan di Pusat IT ini.

Ts. Dr. Suhailah telah mengendalikan kursus dengan fokus pada sesi pagi terhadap pengenalan produk-produk Microsoft langganan Jabatan Infokstruktur UiTM. Ini termasuklah pengenalan Microsoft Account langganan UiTM, kaedah integrasi antara Microsoft Calendar dengan kalendar Gmail rasmi UiTM, kaedah integrasi antara Microsoft Outlook dengan akaun emel rasmi UiTM (Gmail), Microsoft One Drive serta Microsoft Apps dalam telefon pintar. Sewaktu sesi petang, Ts. Dr. Suhailah memberi tumpuan terhadap aplikasi Microsoft Teams dan fungsinya. Kelebihan Microsoft Teams ialah sebagai platform sehenti pelbagai fungsi seperti pengendalian mesyuarat dengan kualiti rakaman penuh definisi tinggi atau High Density (HD), video rakaman, emel, forum, tugas suntingan dalam masa sebenar secara berkumpulan malah perkongsian fail atau dokumen secara berkumpulan.

Penerangan Ts. Dr. Suhailah yang jelas, ringkas dan mudah difahami telah mendorong para peserta kursus memberi tumpuan dan meneroka produk Microsoft daripada mula hingga ke akhir kursus pada jam 4.30 minit petang.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UITM Shah Alam.



library.uitm.edu.my